

Pelibatan Kaum Cina dalam Sektor Awam di Malaysia

Oleh: Muhamad Ali bin Embi dan Abdul Hadi bin Rasimin

ABSTRACT

The Chinese involvement in Malaysia Public Sector is quite small compared to the Malays group. Like other Chinese in South-East Asia, Malaysian Chinese are more likely to get involved in business sector rather than in public sector. Although they are outnumbered by Malays in public sector but in some prestigious profession such as doctor, accountant and engineer the Chinese representation are much better than the Malays.

Kata Kunci: *Pelibatan, kaum cina, sektor awam, Dasar Ekonomi Baru*

I. PENGANTAR

Perkembangan industri bijih timah di Tanah Melayu telah membawa kepada kemasukan secara beramai-ramai kaum Cina khususnya ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1901, masyarakat Melayu menjadi golongan minoriti dalam Negeri-negeri Bersekutu. Penduduk Cina di Tanah Melayu semakin bertambah dari 163,422 orang pada tahun 1891 menjadi 433,244 orang dalam tahun 1911¹.

Penglibatan kaum Cina dalam pentadbiran (administrasi) kerajaan telah ada semenjak pemerintahan British. Semasa pentadbiran British di Tanah Melayu, kaum Cina sering mendapat tempat untuk berkhidmat dengan kerajaan khususnya di Negeri-negeri Selat. Setelah negara Malaysia mencapai kemerdekaan, ramai di kalangan kaum Cina telah diserapkan ke dalam pentadbiran kerajaan kerana memiliki diploma dan ijazah dibandingkan dengan kaum Melayu yang kurang berpendidikan khususnya dalam pendidikan Inggeris².

¹ Esman dan Milton J. 1972. *Administration and Development in Malaysia: Institution Building and Reform in a Plural Society*. New York: Ithaca.

² Tilman R. 1964. *Bureaucratic Transition in Malaya*. Durham: Duke University Press.

II. PELIBATAN KAUM CINA DALAM SEKTOR AWAM

Semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), pengambilan kakitangan (pegawai) dalam sektor awam telah disusun semula dengan mengambilkira penyertaan semua kaum. Penyertaan kaum Cina sama ada dalam sektor ekonomi dan kerajaan akan mempercepatkan lagi proses perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum khususnya selepas peristiwa 13 Mei 1969. Hal ini selaras dengan pernyataan Kok Wee Kiat³ seperti berikut: “Biarlah orang Malaysia menangani semula kehidup-an mereka berasaskan kesatuan, harmoni dan persahabatan yang kerananya kita telah berjaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.”

Pernyataan Wee Kiat (1988) yang mengharapkan perpaduan dan penyertaan semua kaum di kalangan kaum-kaun di Malaysia dalam pentadbiran negara turut disokong dengan pendapat Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman⁴ yang menyatakan bahwa perpaduan Negara tidak dapat dicapai tanpa kewujudan persamaan dan imbalan yang lebih luas di kalangan kelompok-kelompok

sosial dan kaum di Malaysia melalui penyertaan mereka dalam pembangunan dan dalam perkongsian faedah daripada pemodenan dan pertumbuhan ekonomi. Perpaduan Negara tidak dapat dibentuk jika sebilangan besar penduduk kekal miskin dan tidak diwujudkan peluang pekerjaan produktif yang mencukupi bagi tenaga buruh yang berkembang.

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa penyertaan di kalangan semua kaum dalam negara amat penting dalam pembangunan sesebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama dan bahasa. Selain itu, penglibatan semua kaum dalam sektor awam bukan sahaja dapat mewujudkan suasana harmoni dalam pentadbiran negara, malah ia dapat memperbaiki dan mengeratkan tali perpaduan di kalangan semua pihak.

³ Kok Wee Kiat. 1988. *The Future of Malaysia Chinese*. Kuala Lumpur: MCA.

⁴ Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman. 1990. *Growth and Ethnic Inequality: Malaysia's New Economic Policy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Jadual 1: Jumlah Penglibatan Kaum Cina dalam Perkhidmatan Kerajaan
Tahun 1967, 1968, 1980, 1985 dan 1990**

Tahun	Jumlah tenaga kerja (juta)	Perkhidmatan kerajaan (ribu)	Peglibatan kaum Cina (ribu)
1967	2,078	267	40
1968	2,065	267	96
1980	4,817	693	196
1985	5,625	819	202
1990	6,603	850	214

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, penglibatan kaum Cina dalam kerajaan atau sektor awam semakin meningkat dari tahun ke tahun. Berdasarkan jadual 1 di atas, penyertaan kaum Cina dalam perkhidmatan kerajaan pada tahun 1967 adalah sebanyak 40,000 orang. Pada tahun 1968 pula, jumlah penglibatan kaum Cina dalam perkhidmatan awam di Malaysia terus meningkat kepada 96,000 orang. Selepas 10 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermula pada tahun 1970, penglibatan kaum Cina dalam sektor awam pada tahun 1980 adalah dianggarkan berjumlah kira-kira 196,000 orang⁵ (Malaysia, 1981; Malaysia, 1986; Malaysia, 1991).

⁵ Malaysia. 1981. *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan; Malaysia. 1986. *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara; Malaysia. 1991. *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

III. FAKTOR PENGLIBATAN KAUM CINA DALAM SEKTOR AWAM

Semasa pendudukan British, masyarakat di Tanah Melayu diatur berdasarkan dasar pecah dan perintah. British telah mewujudkan kelompok-kelompok etnik berdasarkan kegiatan ekonomi mereka. Justeru itu, pihak British telah menetapkan status dan peranan yang berbeza bagi setiap kaum seperti kaum Melayu dibiarkan tinggal di kawasan kampung, kaum Cina digalakkan tinggal di bandar manakala kaum India diatur untuk tinggal di kawasan estet⁶ (Tilman R., 1964). Strategi ini dilakukan untuk menjaga kepentingan mereka daripada terjejas dengan cuba mengelakkan kewujudan perpaduan di antara kaum Melayu Cina dan India demi mengaut sebanyak yang mungkin kekayaan semulajadi yang dimiliki oleh Malaysia.

Dasar pecah dan perintah ini telah memberi kesan kepada penyertaan semua masyarakat untuk berkhidmat dengan pihak British. Tambahan pula, peluang-peluang untuk berkhidmat dalam pentadbiran

⁶ Tilman R. 1964. *Opcit.*

kerajaan hanya tertumpu di kawasan bandar yang majoritinya didiami oleh masyarakat Cina⁷. Secara tidak langsung, penglibatan kaum Cina adalah lebih tinggi berbanding dengan kaum-kaum lain yang hanya segelintir sahaja yang diserapkan dalam pentadbiran kerajaan.

Selain itu, kemajuan dalam pendidikan di kalangan kaum Cina juga turut menyumbang kepada penyertaan mereka dalam sektor awam. Ramai di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi berbanding dengan kaum-kaum yang lain di Malaysia. Ia adalah disebabkan oleh

pendedahan, perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan pendidikan yang mencukupi serta maju di kawasan bandar berbanding di luar bandar. Berdasarkan jadual 2 di bawah, sebanyak 209 orang yang mengikuti kursus sijil, 393 orang mengikuti kursus diploma dan 3,752 orang mengikuti kursus ijazah sepanjang tahun 1970. Jumlah pelajar Cina di peringkat tinggi turut meningkat pada tahun 1980 iaitu sebanyak 8,230 orang mengikuti kursus peringkat sijil, kira-kira 8,990 orang mengikuti kursus diploma dan 16,988 orang mengikuti kursus ijazah⁸.

Jadual 2: Bilangan Pelajar di Peringkat Tinggi Berdasarkan Kaum pada Tahun 1970 dan 1980

Tahun & Peserta Jenis Kursus	1970			1980		
	Bumi putera	Cina	India	Bumi putera	Cina	India
Sijil	151	209	9	2,360	8,230	1,205
Diploma	2,871	393	32	14,882	8,990	1,642
Ijazah	3,084	3,752	559	19,051	16,988	3,924
Jumlah	6,106	4,354	600	36,293	34,208	6,771

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985.

⁷ *Ibid.*

⁸ Malaysia. 1981. *Op cit.*

Walaupun bagaimanapun, penglibatan kaum Cina dalam sektor awam sejak akhir-akhir ini semakin membimbangkan khususnya dalam perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti perkhidmatan tentera, polis dan bomba. Ia adalah disebabkan oleh minat yang kurang terhadap perkhidmatan-perkhidmatan tersebut serta lebih cenderung berkhidmat dalam sektor swasta. Tambahan pula, sektor swasta menawarkan gaji yang lebih lumayan berbanding dengan gaji di sektor awam⁹. Sebagai contoh pada tahun 2006, daripada 10,633 orang anggota bomba di seluruh negara, hanya sebanyak 0.7 % atau 79 orang anggotanya daripada kaum Cina dan selebihnya dianggotai oleh kaum Melayu serta kaum-kaum lain¹⁰.

Di samping itu, kekurangan maklumat tentang pengambilan pekerja turut menjejaskan penglibatan kaum Cina dalam sebarang jawatan

dalam sektor awam. Ia selaras dengan kenyataan Pemuda MCA bahawa didapati ramai remaja Cina khususnya lepasan sekolah yang berminat untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), namun disebabkan kurangnya maklumat tersebut, mereka berasa tidak yakin dan samar-samar untuk menyertai ATM ini¹¹.

Walaupun secara purata penyertaan kaum Cina dalam perkhidmatan awam adalah lebih rendah berbanding dengan kaum Melayu, namun mereka biasanya memegang jawatan-jawatan penting dan tinggi di dalam perkhidmatan awam. Dalam pada itu, penglibatan mereka lebih tertumpu kepada bidang profesional berbanding dengan kaum-kaum lain di negara ini seperti bidang arkitek, akauntan, jurutera, doktor gigi, doktor, doktor veterinar, juruukur dan peguam.

⁹*Utusan Malaysia*. 2001. "Keseimbangan antara kaum di sektor awam membimbangkan". (20 Mei).

¹⁰*Utusan Malaysia*. 2006. "Bomba Tambah Dua Helikopter dalam RMK-9". (03 Mei).

¹¹ *Utusan Malaysia*. 2002. "Pemuda MCA akan kempen tarik belia Cina sertai ATM". (16 September).

Jadual 3: Ahli-ahli Profesional yang Terdaftar Berdasarkan Golongan Kaum pada Masa 1970, 1980 dan 1990

Tahun & Kumpulan Etnik	1970			1980			1990		
	Bumi putera	Cina	India	Bumi putera	Cina	India	Bumi putera	Cina	India
Kegiatan									
Arkitek	12	224	4	57	461	7	231	728	12
Akauntan	40	387	47	120	1,261	116	627	4,524	346
Jurutera	66	643	122	1,533	5,904	526	7,018	11,741	1,065
Doktor Gigi	20	579	33	117	744	241	406	847	396
Doktor	79	954	857	341	1,534	1,467	1,951	2,430	2,410
Veterinar	8	6	3	63	98	164	242	160	250
Juruukur	-	-	-	130	245	30	537	636	48
Peguam	-	-	-	173	565	412	705	1,575	836
Jumlah	225	2,793	1,066	2,534	10,812	2,963	11,717	22,641	5,363

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima.

Berdasarkan kepada jadual 3, penglibatan kaum Cina dalam bidang profesional adalah seramai 2,793 orang berbanding 1,066 orang daripada kaum India dan 225 orang daripada kaum Bumiputera. Manakala pada tahun 1980, penyertaan semua kaum dalam bidang profesional adalah semakin meningkat iaitu seramai 10,812 orang daripada kaum Cina, 2,963 kaum India dan 2,534 kaum Bumiputera. Pada tahun 1990 pula, penyertaan kaum Cina dalam bidang ini turut melebihi kaum India dan Bumiputera iaitu seramai 22,641 orang berbanding seramai 5,363 kaum India dan 11,717 orang daripada kaum Bumiputera. Peningkatan bilangan dalam bidang profesional ini adalah didorong oleh kemajuan pembangunan

negara lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang ini dan jumlah graduan yang semakin meningkat setiap tahun yang memiliki ijazah profesional.

IV. KESIMPULAN

Penglibatan kaum Cina dalam sektor awam telah bermula semenjak bermulanya pemerintahan British sehingga kini. Selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), penglibatan mereka dalam sektor awam semakin meningkat khususnya dalam bidang profesional dan jawatan-jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam. Bagaimanapun, dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti angkatan tentera, polis dan bomba, penglibatan mereka

masih kurang walaupun pihak kerajaan menawarkan jumlah gaji yang lumayan dan pelbagai bonus dalam perkhidmatan tersebut. Dengan wujudnya penglibatan semua kaum dalam perkhidmatan awam, ia akan

melahirkan satu suasana perpaduan di kalangan rakyat seterusnya memberi komitmen yang penuh kepada setiap usaha untuk mencapai kemajuan dan pembangunan negara Malaysia.

DAFTAR KEPUSTAKAAN

- Esman dan Milton J. (1972). *Administration and Development in Malaysia: Institution Building and Reform in a Plural Society*. New York: Ithaca.
- Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman. (1990). *Growth and Ethnic Inequality: Malaysia's New Economic Policy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kok Wee Kiat. (1988). *The Future of Malaysia Chinese*. Kuala Lumpur: MCA.
- Malaysia. (1981). *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Malaysia. (1986). *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. (1991). *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Tilman R. (1964). *Bureaucratic Transition in Malaya*. Durham: Duke University Press.
- Utusan Malaysia*. (2001). "Keseimbangan antara kaum di sektor awam membimbangkan". (20 Mei).
- Utusan Malaysia*. (2002). "Pemuda MCA akan kempen tarik belia Cina sertai ATM". (16 September).
- Utusan Malaysia*. (2006). "Bomba Tambah Dua Helikopter dalam RMK-9". (03 Mei).